

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN
[SUBANG]**

SOALAN NO. 511

Y.B. TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) senaraikan syarikat-syarikat yang telah menerima sokongan ePIF tersebut; dan
- (b) senaraikan Cek Tunai, Rumah dan Inter-Cawangan yang diproses dari tahun 2015-2018.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelanggan bank terutamanya golongan individu dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mendapat manfaat daripada Dana Insentif untuk e-Pembayaran ('e-Payment Incentive Fund' atau 'ePIF') melalui pemberian insentif kepada pengguna untuk menggunakan e-pembayaran seperti pengecualian fi langganan perbankan internet, fi transaksi e-pembayaran, fi token keselamatan dan sebagainya. Dana ePIF ini telah diperkenalkan pada tahun 2015 di bawah Rangka Kerja ePIF di mana semua bank yang terlibat dikehendaki untuk menyalurkan semula fi pemprosesan cek ke dalam satu dana ePIF yang ditadbir urus sendiri oleh setiap bank bagi tujuan mendidik dan memberi insentif kepada pelanggan bank untuk menggalakkan perpindahan kepada e-pembayaran.
2. Sejak Bank Negara Malaysia (BNM) melancarkan strategi e-pembayaran di bawah Pelan Sektor Kewangan pada tahun 2011, penggunaan cek tahunan telah mencatatkan pengurangan pada kadar yang memberangsangkan iaitu sebanyak lebih 50% daripada 204.9 juta pada tahun 2011 kepada 101.4 juta pada tahun 2018. Trend ini dijangka berterusan sejajar dengan peningkatan transaksi e-pembayaran. Transaksi pindahan dana elektronik seperti GIRO Antara Bank (Interbank GIRO, IBG) dan Pindahan Segera telah meningkat lebih 6 kali ganda daripada 66 juta urus niaga pada tahun 2011 kepada 445 juta urus niaga pada tahun 2018. Ini menunjukkan bahawa lebih ramai pengguna bertambah yakin untuk menggunakan kaedah e-pembayaran berbanding cek.
3. Bilangan cek yang diproses melalui Sistem Penjelasan Informasi Cek Kebangsaan Secara Elektronik (eSPICK) antara tahun 2015 hingga 2018 adalah seperti yang berikut:

NO SOALAN : 511

	2015	2016	2017	2018
Bilangan cek yang diproses melalui eSPICK (juta)	148.0	133.1	119.0	101.4

*BNM tidak mempunyai pecahan data bagi cek tunai, rumah dan antara cawangan.

Sekian, terima kasih.